

Bil. S 61

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH (PINDAAN), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 375 dari Penggal 22
 3. Penggantian bab 376
 4. Penggantian bab 377
 5. Pindaan berbangkit Jadual kepada Penggal 4
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH (PINDAAN), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kanun Hukuman Jenayah (Pindaan), 2017.

Pindaan bab 375 dari Penggal 22

2. Bab 375 dari Kanun Hukuman Jenayah adalah dipinda —

(a) dengan memotong “five” dalam baris ketiga;

(b) dalam perenggan (c), dengan menambah “to herself or any other person”;

(c) dengan memasukkan sejurus selepas perenggan (d) perenggan baru yang berikut —

“(da) dengan kerelaan perempuan itu, apabila lelaki itu dapat dipercayai atau berkuasa terhadap perempuan itu atau seseorang yang dengannya perempuan itu mempunyai hubungan kebergantungan;”;

(d) dalam *Explanation*, dengan memasukkan “1” sejurus selepas “*Explanation*”;

(e) dengan memasukkan sejurus selepas “*Explanation 1*” dua Huraian baru yang berikut —

“*Huraian 2* – Seseorang itu rela jika dia bersetuju dengan pilihan, dan jika dia mempunyai kebebasan dan keupayaan untuk membuat pilihan itu.

Huraian 3 – Seseorang itu tidak rela jika persetubuhan itu didorong oleh penyalahgunaan kedudukan sebagai orang yang dapat dipercayai atau berkuasa.”.

Penggantian bab 376

3. Bab 376 dari Kanun Hukuman Jenayah adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Hukuman rogol

376. (1) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (2), (3) dan (4), barang siapa melakukan rogol hendaklah dihukum penjara bagi tempoh yang boleh sampai 30 tahun dan sebat.

(2) Barang siapa —

(a) untuk melakukan atau memudahkan suatu kesalahan rogol terhadap seorang perempuan dilakukan —

(i) dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepadanya atau kepada mana-mana orang lain; atau

(ii) meletakkannya dalam ketakutan kematian atau kecederaan kepada dirinya atau mana-mana orang lain;

(b) melakukan rogol terhadap seorang perempuan yang berumur di bawah 14 tahun; atau

(c) dapat dipercayai atau berkuasa terhadap seorang perempuan atau seseorang yang dengannya perempuan itu mempunyai hubungan kebergantungan, melakukan rogol terhadap seorang perempuan,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 10 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan sebat tidak kurang dari 12 sebatan.

(3) Barang siapa melakukan rogol terhadap seorang perempuan yang berumur di bawah 14 tahun —

(a) dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepadanya atau kepada mana-mana orang lain;

(b) meletakkannya dalam ketakutan kematian atau kecederaan kepada dirinya atau mana-mana orang lain;

(c) dapat dipercayai atau berkuasa terhadap perempuan itu atau seseorang yang dengannya dia mempunyai hubungan kebergantungan,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 15 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan sebat tidak kurang dari 12 sebatan.

(4) Mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab ini hendaklah, dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 50 tahun dan sebat tidak kurang dari 20 sebatan.

(5) Dalam mana-mana kes yang dikenakan bab 258 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggai 7), Mahkamah hendaklah menghukum pesalah itu, sebagai ganti sebat, penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai 12 bulan, sebagai tambahan kepada hukuman yang ke atasnya dia telah dijatuhkan di bawah bab ini.”.

Penggantian bab 377

4. Bab 377 dari Kanun Hukuman Jenayah adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Kesalahan luar tabii

377. [1] Barang siapa dengan sengaja melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii dengan mana-mana lelaki, perempuan atau haiwan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat.

Huraian – Kemasukan adalah memadai bagi persetubuhan yang perlu bagi kesalahan yang diperihalkan dalam bab ini.

[2] Barang siapa melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1) terhadap seseorang yang berumur di bawah 14 tahun, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 15 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan sebat tidak kurang dari 12 sebatan, dan dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 50 tahun dan sebat tidak kurang dari 20 sebatan.

[3] Dalam mana-mana kes yang dikenakan bab 258 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggai 7), Mahkamah hendaklah menghukum pesalah itu, sebagai ganti sebat, penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai 12 bulan, sebagai tambahan kepada hukuman yang ke atasnya dia telah dijatuhkan di bawah bab ini.”.

Pindaan berbangkit Jadual kepada Penggal 4

5. Jadual kepada Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am adalah dipinda dalam perenggan kedua berkenaan dengan Kanun Hukuman Jenayah, dengan memasukkan “377,” sejurus sebelum “380A” dalam baris pertama.

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 24 haribulan Julai, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM